

APCDA Glossary of Career Development Terms

As of May 17, 2018

Term Istilah	Definition Definisi
<p>Advising Memberi Khidmat Nasihat</p>	<p>Advising is a process of identifying the needs of an individual, then providing advice or referral to information sources to answer the questions of the individual.</p> <p>Memberi khidmat nasihat merupakan satu proses mengenal pasti keperluan seseorang individu, dan kemudiannya memberi nasihat atau merujuk sumber maklumat untuk menjawab soalan-soalan dari individu tersebut.</p> <p>Comment: Advising requires training and knowledge of a specific subject area, such as Educational Advising or Career Advising. It does not require a college degree and the training is often completed in a number of days or months.</p> <p>Komen: Memberi khidmat nasihat memerlukan latihan dan pengetahuan tentang sesuatu bidang khusus spesifik seperti khidmat nasihat pendidikan atau khidmat nasihat kerjaya. Ia tidak memerlukan ijazah kolej dan latihan itu biasanya dilengkapkan dalam tempoh bilangan harian atau bulanan.</p>
<p>Career Kerjaya</p>	<p>Definition #1: Career refers to the path an individual takes through life and includes all productive, goal-directed activities in which the individual engages.</p> <p>Definisi #1: Kerjaya merujuk kepada haluan yang diambil oleh seseorang sepanjang hayat dan termasuk segala aktiviti produktif, berorientasikan matlamat yang seseorang itu terlibat.</p> <p>Definition #2: The intellectual, physical, skill and identity development manifested through a person's occupational or vocational experiences over a life time.</p> <p>Definisi #2: Pembangunan intelektual, fizikal, kemahiran, dan identiti yang ditunjukkan melalui pengalaman pekerjaan atau vokasional seseorang sepanjang hayat.</p> <p>Comment: In some English-speaking countries, the meaning of "career" has evolved to be different from "vocation" or "occupation" and is represented by Definition #1. In other countries, there are no words which can be used for this new concept, so the understanding remains rooted in tradition (Definition #2).</p> <p>Komen: Di sesetengah negara yang berbahasa Inggeris, maksud "kerjaya" telah berkembang sehingga menjadi berbeza dari "vokasion" atau "pekerjaan" dan diwakili oleh Definisi #1. Di negara-negara lain, tidak terdapat perkataan yang boleh digunakan untuk konsep baharu ini, jadi kefahaman tetap kekal berakar dalam tradisi (Definisi #2)</p>
<p>Career Counselor Kaunselor Kerjaya</p>	<p>Career counselor is a professional counselor who assists individuals or groups of individuals to make career or vocational decisions.</p> <p>Kaunselor kerjaya ialah seorang kaunselor profesional yang membantu individu atau sekumpulan individu untuk membuat keputusan kerjaya atau vokasional.</p> <p>Comment: The process could include learning career decision-making skills, vocational assessment, career exploration activities, education/training decisions, and job search skills.</p>

	<p>Komen: Proses boleh termasuk pembelajaran kemahiran membuat keputusan kerjaya, penilaian vokasional, aktiviti-aktiviti penerokaan kerjaya, keputusan pendidikan/latihan dan kemahiran-kemahiran mencari kerja.</p>
<p>Career Center Pusat Kerjaya</p>	<p>A place or virtual site that provides current career information and other resources useful for making informed career decisions.</p> <p>Sebuah tempat atau halaman maya yang menyediakan informasi kerjaya semasa dan sumber-sumber lain yang berguna dalam membuat keputusan kerjaya termaklum.</p> <p>Comment: It may provide a range of services such as career guidance, advising and/or coaching.</p> <p>Komen: Ia boleh menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan seperti bimbingan kerjaya, memberi khidmat nasihat dan/atau kejurulatihan.</p>
<p>Career Choice Pemilihan Kerjaya</p>	<p>Career choice is an individual's decision in choosing a path which the individual believes to be most suitable for him/her.</p> <p>Pemilihan kerjaya adalah keputusan seseorang individu dalam memilih haluan yang mana individu tersebut percaya paling sesuai untuk dirinya.</p> <p>Comment: It is usually chosen based on his/her career interests, work values, work skills, personal aptitudes, aspirations and circumstances. It is also influenced by the social norms, culture and the local labor market situation.</p> <p>Komen: Ia biasanya dipilih berdasarkan minat kerjaya, nilai kerja, kemahiran- kemahiran kerja, kemampuan peribadi, aspirasi dan keadaan individu tersebut. Ia juga dipengaruhi oleh norma sosial, kebudayaan dan keadaan pasaran buruh tempatan.</p>
<p>Career Decision-Making Pembuatan Keputusan Kerjaya</p>	<p>Career decision-making is the process of selecting a particular option with regards to one's career.</p> <p>Pembuatan keputusan kerjaya adalah proses memilih sesuatu pilihan tertentu berkaitan dengan kerjaya seseorang.</p> <p>Comment: Career decision-making is a deliberate process that involves identifying one's skills and preferences, exploring occupations and labor market needs, identifying and selecting occupations that match one's skills and preferences, identifying education/training needed for entry, and developing an action plan.</p> <p>Komen: Pembuatan keputusan kerjaya adalah sesuatu proses yang perlahan yang melibatkan pengenalpastian kemahiran dan kesukaan seseorang, penerokaan pekerjaan dan keperluan pasaran buruh, pengenalpastian dan pemilihan pekerjaan yang sepadan dengan kemahiran dan kesukaan seseorang, pengenalpastian pendidikan/latihan yang diperlukan untuk kemasukan dan pembangunan pelan tindakan.</p>
<p>Career Development Perkembangan Kerjaya</p>	<p>Career development is the process of growing, changing, or evolving in one's career throughout one's life span.</p> <p>Perkembangan kerjaya adalah proses berkembang, berubah atau berevolusi dalam kerjaya seseorang sepanjang hayatnya.</p>

<p>Career Education Pendidikan Kerjaya</p>	<p>Courses, programs, or learning activities designed to teach skills needed for researching career information, career decision-making, goal setting, career management, employability, and job search.</p> <p>Kursus-kursus, program-program, atau aktiviti-aktiviti pembelajaran yang direkabentuk untuk mengajar kemahiran yang diperlukan untuk membuat penyelidikan berkaitan informasi kerjaya, membuat keputusan kerjaya, menetapkan matlamat, pengurusan kerjaya, kebolehpasaran dan mencari kerja.</p>
<p>Career Guidance Bimbingan Kerjaya</p>	<p>Career Guidance refers to services and activities intended to assist individuals to make educational, training and occupational choices and to manage their career.</p> <p>Bimbingan kerjaya merujuk kepada perkhidmatan-perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti yang bertujuan membantu individu untuk membuat pemilihan pendidikan, latihan dan pekerjaan serta menguruskan kerjaya mereka.</p>
<p>Career Information/ Guidance System Maklumat Kerjaya/ Sistem Bimbingan</p>	<p>Career information and/or guidance systems are computer software or online systems that provide career assessments, career information, educational information, and other types of career or educational advice or information along with searching capabilities and decision-making tools.</p> <p>Maklumat kerjaya dan/atau sistem bimbingan adalah perisian komputer atau sistem dalam talian yang menyediakan penilaian kerjaya, informasi kerjaya, informasi pendidikan dan lain-lain jenis nasihat kerjaya atau pendidikan atau maklumat bersertakan dengan kebolehan mencari dan alat membuat keputusan.</p> <p>Comment: The objective of these systems is to help individuals make informed career choices for purposeful employment. Many examples exist, from simple career-related inventories to large systems that integrate both assessments and information into a single program. Often, the system is localized for a specific country or region. May also be called a Computer-Assisted Career Guidance System (CACGS).</p> <p>Komen: Objektif sistem-sistem ini adalah untuk membantu individu-individu membuat pilihan kerjaya termaklum bagi kebolehpasaran yang sesuai. Wujudnya banyak contoh, dari inventori yang berkaitan dengan kerjaya yang ringkas kepada system yang besar yang mengintegrasikan kedua-dua penilaian dan maklumat ke dalam satu program tunggal. Selalunya, sistem ini diletakkan bagi negara atau kawasan tertentu. Ia juga dipanggil sebagai Sistem Bimbingan Kerjaya Berpanduan Komputer (CACGS).</p>
<p>Career Management Pengurusan Kerjaya</p>	<p>Career management is the process of selecting goals, acquiring skills, identifying strategies, and monitoring plans to progress in the career path chosen by the individual.</p> <p>Pengurusan kerjaya adalah proses memilih matlamat, memperoleh kemahiran, mengenal pasti strategi dan memantau perancangan untuk berkembang dalam haluan kerjaya yang dipilih oleh individu tersebut.</p> <p>Comment: Career management is frequently used to describe people already in the workforce.</p> <p>Komen: Pengurusan kerjaya kerap digunakan untuk menggambarkan individu yang sudah berada dalam tenaga kerja.</p>

<p>Coaching Kejurulatihan</p>	<p>Coaching is the process of working with clients in a thought-provoking and insightful process that inspires them to maximize their personal and professional potential by providing information and asking questions that are life/career oriented.</p> <p>Kejurulatihan adalah proses bekerja dengan klien dalam proses yang merangsang fikiran dan celik akal yang mendorong mereka untuk memaksimumkan potensi peribadi dan profesional mereka dengan membekalkan maklumat dan bertanyakan soalan-soalan yang berorientasikan kehidupan/kerjaya.</p> <p>Comment: In Indian settings the word is commonly used to refer to private training provided for preparation for any exams. Internationally, there are many training programs offered for coaching. These programs often last from several days to several months. Normally, a degree is not required.</p> <p>Komen: Dalam setting India perkataan ini biasanya digunakan untuk merujuk kepada latihan swasta yang disediakan untuk persiapan bagi sebarang peperiksaan. Di peringkat antarabangsa, terdapat banyak program latihan yang ditawarkan untuk kejurulatihan. Program-program ini selalunya berlangsung dari beberapa hari sehingga beberapa bulan. Biasanya, ijazah adalah tidak diperlukan.</p>
<p>Counseling Kaunseling</p>	<p>Counseling is the process in which a professional counselor facilitates the resolution of specific problems or issues which individuals or groups of individuals are experiencing.</p> <p>Kaunseling adalah proses di mana seseorang kaunselor profesional fasilitat penyelesaian masalah atau isu tertentu yang sedang dialami oleh individu atau sekumpulan individu.</p> <p>Comment: It involves actively listening to the individual’s story, and communicating understanding, respect and empathy; clarifying goals and assisting the individual with the decision-making process. International best practices recommend that only professionals with a master’s level degree in counseling use the term “Counselor.”</p> <p>Komen: Ia melibatkan mendengar secara aktif penceritaan klien dan berkomunikasi kefahaman, hormat dan empati; memperjelaskan matlamat dan membantu individu dengan proses membuat keputusan. Amalan terbaik antarabangsa menyarankan bahawa hanya profesional yang berkelulusan ijazah sarjana dalam kaunseling menggunakan istilah “Kaunselor”.</p>
<p>Distance Counseling/Guidance Kaunseling/Bimbingan Jarak Jauh</p>	<p>Distance counseling/guidance is the provision of services through remote means such as email, social media, and telephone or video conference calling.</p> <p>Kaunseling/bimbingan jarak jauh adalah penyediaan perkhidmatan melalui kaedah perhubungan jauh seperti e-mel, media sosial, telefon atau panggilan persidangan video.</p>
<p>Drop-Out Keciciran</p>	<p>A drop-out is an individual who has withdrawn from an education or training program without completing it.</p> <p>Keciciran merupakan seseorang individu yang telah menarik diri dari sesuatu program pendidikan atau latihan tanpa melengkapkannya.</p>
<p>Early School-Leaver Lepasan Awal Sekolah</p>	<p>An early school-leaver is a student who withdraws from an education program without completing it or below the compulsory school leaving age.</p>

	<p>Seseorang lepasan awal sekolah adalah seorang pelajar yang menarik diri dari sesuatu program pendidikan tanpa melengkapkannya atau di bawah umur wajib sekolah.</p> <p>Comment: Some countries have compulsory school attendance until a specific age while others do not.</p> <p>Komen: Sesetengah negara mempunyai kehadiran sekolah yang wajib sehingga usia tertentu manakala yang lain tidak.</p>
<p>Educational Counseling/ Guidance Kaunseling/Bimbingan Pendidikan</p>	<p>Educational counseling/guidance is a process in which an individual reflects on his/her personal educational issues and experiences and makes appropriate educational choices.</p> <p>Kaunseling/bimbingan pendidikan adalah suatu proses di mana seseorang individu reflek akan isu-isu dan pengalaman pendidikan peribadinya dan membuat pilihan pendidikan yang sesuai.</p> <p>Comment: Career opportunities and planning are also often discussed during the educational counseling/guidance process.</p> <p>Komen: Peluang dan perancangan kerjaya juga sering dibincangkan semasa proses kaunseling/ bimbingan pendidikan.</p>
<p>Employability Kebolehpasaran</p>	<p>Employability refers to a combination of personal traits which enable individuals to enter employment, remain in employment, and progress in their careers.</p> <p>Kebolehpasaran merujuk kepada suatu kombinasi ciri-ciri peribadi yang membolehkan individu untuk menceburi kebolehpasaran, kekal dalam dunia pekerjaan, dan progres dalam kerjaya mereka.</p> <p>Comment: These traits include:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Personal attributes, including knowledge and skills that are required for employment in an occupation or industry b. Ability to use the personal attributes beneficially in the job/labor market c. Engagement in lifelong learning to acquire knowledge and skills required for an evolving economy <p>Prevailing positive social and economic conditions of the country that support economic growth and development also impact the achievement of employment.</p> <p>Komen: Ciri-ciri ini termasuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Atribut peribadi, termasuk pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk kebolehpasaran dalam suatu pekerjaan atau industri. b. Keupayaan untuk menggunakan atribut peribadi secara bermanfaat dalam pasaran kerja/buruh. c. Penglibatan dalam pembelajaran sepanjang hayat untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi ekonomi yang berkembang. <p>Keadaan sosial dan ekonomi positif yang masih wujud di negara yang menyokong pertumbuhan dan perkembangan ekonomi juga memberi kesan kepada pencapaian kebolehpasaran.</p>

<p>Employment Counseling/ Guidance Kaunseling/Bimbingan Kebolehpasaran</p>	<p>Employment counseling/guidance is a process in which individuals improve their employability and self-sufficiency in the labor market.</p> <p>Kaunseling/bimbingan kebolehpasaran adalah suatu proses di mana individu meningkatkan keupayaan kebolehpasaran dan sara diri dalam pasaran buruh.</p> <p>Comment: Employment counseling/guidance includes career counseling/guidance, facilitation of skills upgrading and training, job search strategies, and resilience to maintain and stay in employment.</p> <p>Komen: Kaunseling/bimbingan kebolehpasaran termasuk kaunseling/bimbingan kerjaya, fasilitasi peningkatan kemahiran dan latihan, strategi mencari kerja dan daya tahan untuk kekal dan bertahan dalam pekerjaan.</p>
<p>Empowerment Pemerkasaan</p>	<p>The process of encouraging and enabling individuals to take greater responsibility to control their own lives and careers, by developing greater confidence in their own capabilities.</p> <p>Proses menggalakkan dan membolehkan individu mengambil tanggungjawab yang lebih besar untuk mengawal kehidupan dan kerjaya mereka, dengan membina keyakinan yang lebih tinggi terhadap keupayaan mereka sendiri.</p>
<p>Entrepreneur Usahawan</p>	<p>An entrepreneur is a person who is engaged in the process of designing, launching, or running a business.</p> <p>Seseorang usahawan adalah seorang yang terlibat dalam proses merancang, melancar atau menjalankan perniagaan.</p> <p>Comment: The willingness to take risks is an important personality trait usually considered necessary for an entrepreneur because new businesses have a high rate of failure.</p> <p>Komen: Kesediaan untuk mengambil risiko adalah suatu sifat personaliti penting yang biasanya dianggap sebagai keperluan bagi seorang usahawan kerana perniagaan baru mempunyai kadar kegagalan yang tinggi.</p>
<p>Evidence-Based Policy & Practice Dasar dan Amalan Berasaskan Bukti</p>	<p>Evidence-based policy and practice relates to the need for professionals to quantitatively document the effectiveness of their work to provide solid research for influencing advocacy and public policy.</p> <p>Dasar dan amalan berasaskan bukti berkaitan dengan keperluan profesional untuk mendokumentasikan secara kuantitatif keberkesanan kerja mereka untuk menyediakan penyelidikan yang kukuh bagi mempengaruhi advokasi dan dasar awam.</p>
<p>Guidance Bimbingan</p>	<p>Guidance is a process of giving advice or information to individuals or groups. It may be used interchangeably with “advising.”</p> <p>Bimbingan adalah suatu proses memberi nasihat atau maklumat kepada individu atau kumpulan. Ia boleh digunakan secara bergantian dengan “memberi khidmat nasihat”.</p>
<p>Guidance/School Counselor Kaunselor Bimbingan/Sekolah</p>	<p>A guidance/school counselor is a person who assists students to make decisions and resolve problems related to school, educational plans, career plans, or personal concerns.</p>

	<p>Seorang kaunselor bimbingan/sekolah adalah seseorang yang membantu pelajar-pelajar membuat keputusan dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan sekolah, perancangan pendidikan, perancangan kerjaya atau kebimbangan peribadi.</p> <p>Comment: In some countries the term School Counselor is preferred and in others Guidance Counselor is preferred.</p> <p>Komen: Di sesetengah negara istilah Kaunselor Sekolah lebih digemari dan yang lain pula Kaunselor Bimbingan lebih digemari.</p>
<p>Guidance Outcomes Hasil Bimbingan</p>	<p>Guidance outcomes result from the choices made by an individual or a group with the help of external assistance.</p> <p>Hasil bimbingan terhasil daripada pilihan yang dibuat oleh individu atau kumpulan dengan bantuan pertolongan luaran.</p> <p>Comment: Guidance outcomes can be immediate and individual-based, immediate and related to the institution that an individual is related to, (school, family or university), or long term and based on the society as a whole. An example of a Guidance Outcome would be that youth are able to make informed decisions.</p> <p>Komen: Hasil bimbingan boleh jadi serta-merta dan berasaskan individu, serta-merta dan berkaitan dengan institusi yang berkaitan dengan seseorang individu, (sekolah, keluarga atau univervisiti), atau jangka panjang dan berdasarkan masyarakat secara keseluruhan. Satu contoh Hasil Bimbingan adalah belia dapat membuat keputusan termaklum.</p>
<p>Guidance Services Perkhidmatan Bimbingan</p>	<p>Guidance services refer to the systematic and organized procedures that a professional guidance counselor can offer.</p> <p>Perkhidmatan bimbingan merujuk kepada prosedur yang sistematik dan teratur yang boleh ditawarkan oleh seorang kaunselor bimbingan profesional.</p> <p>Comment: It may include counseling services, individual inventory services, psychological testing services, follow-up services, and research and evaluation services.</p> <p>Komen: Ia mungkin termasuk perkhidmatan kaunseling, perkhidmatan inventori individu, perkhidmatan ujian psikologi, perkhidmatan susulan, dan perkhidmatan penyelidikan dan penilaian.</p>
<p>Guidance System Sistem Bimbingan</p>	<p>Guidance system refers to the entire program that provides guidance.</p> <p>Sistem bimbingan merujuk kepada keseluruhan program yang memberi bimbingan.</p> <p>Comment: The guidance services may differ in the target group i.e. the population it is targeting, the kind of service i.e., individual or group counseling and qualifications of the practitioner.</p> <p>Komen: Perkhidmatan bimbingan mungkin berbeza dalam kumpulan sasaran. Contohnya, populasi yang disasarkan, jenis perkhidmatan seperti kaunseling individu atau kelompok serta kelayakan pengamal.</p>
<p>Impact Impak</p>	<p>Impact refers to the marked effect or influence, which may or may not be measurable.</p>

	<p>Impak merujuk kepada kesan atau pengaruh yang ketara, yang mungkin boleh atau tidak boleh diukur.</p> <p>Comment: The impact may be of an investment or a collectivistic impact which may result from a social change or a research impact.</p> <p>Komen: Impak boleh jadi suatu pelaburan atau kesan kolektif yang mungkin terhasil daripada suatu perubahan sosial atau impak penyelidikan.</p>
<p>Indicator Penunjuk</p>	<p>Indicator is a sign or a symbol which may or may not be represented in numbers used to show the presence of a situation or a state.</p> <p>Penunjuk adalah tanda atau simbol yang mungkin atau mungkin tidak diwakili dalam nombor yang digunakan untuk menunjukkan kehadiran sesuatu situasi atau keadaan.</p> <p>Comment: An “indicator” may be used to evaluate the effectiveness of a particular psychotherapy or a particular intervention.</p> <p>Komen: Sesuatu “Penunjuk” boleh digunakan untuk menilai keberkesanan sesuatu psikoterapi atau intervensi tertentu.</p>
<p>Internship Internship</p>	<p>An internship is a short-term experience where an individual works under supervision in a workplace to gain practical skills and experience in a selected occupation and to experience a chosen work environment.</p> <p>Internship adalah suatu pengalaman jangka pendek di mana seseorang individu bekerja di bawah penyeliaan di tempat kerja untuk mendapatkan kemahiran praktikal dan pengalaman dalam sesuatu pekerjaan yang dipilih dan untuk mengalami persekitaran kerja pilihan.</p>
<p>Intrapreneur Intraprenur</p>	<p>An intrapreneur is a person who works within an established business and encourages the business to take risks in an effort to solve a given problem or create innovative practices or services.</p> <p>Intraprenur adalah orang yang bekerja dalam perniagaan yang mantap dan menggalakkan perniagaan untuk mengambil risiko dalam usaha menyelesaikan sesuatu masalah atau menciptakan amalan atau perkhidmatan inovatif.</p> <p>Comment: Intrapreneurship is a relatively recent concept.</p> <p>Komen: Intrapreneurship adalah konsep yang agak baru.</p>
<p>Job-Search Training Latihan Mencari Kerja</p>	<p>Training designed to teach people to purposefully search for jobs/employment.</p> <p>Latihan yang direka untuk mengajar orang untuk mencari kerja/pekerjaan dengan secara bertujuan.</p> <p>Comment: It includes accurate and current information on resources for employment opportunities, developing skills in writing resumes/Curriculum Vitaes (CVs), learning interview skills, and effective use of technology for job applications. The training could be virtual, on-site or blended, in groups or on one-to-one basis</p>

	<p>Komen: Ia termasuk maklumat tepat dan terkini mengenai sumber untuk peluang pekerjaan, mengembangkankan kemahiran dalam penulisan resume/kurikulum vitae (CVs), mempelajari kemahiran temu duga, dan menggunakan teknologi secara berkesan bagi permohonan pekerjaan. Latihan tersebut boleh jadi maya, di tapak atau digabungkan, secara berkumpulan atau secara satu-dengan-satu.</p>
<p>Key Competencies Kompetensi Utama</p>	<p>Key competencies are qualities employees, across industries, need to be successful in the workplace.</p> <p>Kompetensi utama adalah kualiti pekerja, merentasi industri, perlu berjaya di tempat kerja.</p> <p>Comment: A cluster of related abilities, knowledge, skills and commitments that enable a person (or an organization) to perform effectively in a job or situation. Competencies effectively fall in three groups:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Behavioral Competencies (life skills) • Functional Competencies (technical) • Professional Competencies <p>Komen: Satu kluster kebolehan, pengetahuan, kemahiran dan komitmen yang berkaitan yang membolehkan seseorang (atau satu-satu organisasi) untuk bekerja secara berkesan dalam sesuatu pekerjaan atau situasi. Kecekapan secara berkesan jatuh dalam tiga kumpulan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kompetensi tingkah laku (kemahiran kehidupan) • Kompetensi Fungsian (teknikal) • Kompetensi profesional
<p>Labor Market Information Maklumat Pasaran Buruh</p>	<p>Labor market information (LMI) includes quantitative and qualitative data, analysis or interpretation about the past, present or future structure and workings of the labor market and the factors that influence it.</p> <p>Maklumat pasaran buruh (LMI) termasuk data kuantitatif dan kualitatif, analisis atau pentafsiran tentang struktur dan cara kerja masa lalu, semasa dan masa depan pasaran buruh dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.</p> <p>Comment: LMI is needed to inform users about:</p> <ul style="list-style-type: none"> • economic and labor market conditions; • education, qualifications, training and skills; • current and future demand and supply of labor and jobs; and • vacancies and recruitment. <p>Komen: LMI diperlukan untuk memaklumkan pengguna mengenai:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keadaan ekonomi dan pasaran buruh; • Pendidikan, kelayakan, latihan dan kemahiran; • Permintaan dan pembekalan buruh dan pekerjaan semasa dan masa depan; dan • Kekosongan dan pengambilan pekerja.
<p>Learning Outcomes of Guidance Hasil Pembelajaran Bimbingan</p>	<p>Learning outcomes of guidance refers to the skills or knowledge that an individual has acquired as a result of assistance provided by a trained individual.</p> <p>Hasil pembelajaran bimbingan merujuk kepada kemahiran atau pengetahuan yang diperolehi oleh seseorang individu hasil daripada bantuan yang diberikan oleh individu terlatih.</p>

	<p>Comment: Learned skills and competencies should be demonstrated throughout the individual's life as the individual strives to achieve goals and desires.</p> <p>Komen: Kemahiran dan kecekapan yang dipelajari harus ditunjukkan dalam sepanjang kehidupan individu ketika individu tersebut berusaha untuk mencapai matlamat dan keinginan.</p>
<p>Lifelong Guidance Bimbingan Sepanjang Hayat</p>	<p>Lifelong guidance refers to providing assistance throughout the lifespan specifically related to career decision-making.</p> <p>Bimbingan sepanjang hayat merujuk kepada pemberian bantuan sepanjang hayat yang khusus berkaitan dengan pembuatan keputusan kerjaya.</p> <p>Comment: Aspirationally, we believe career-related services should be available throughout the lifespan, regardless of gender or economic status or attending school or university.</p> <p>Komen: Secara aspirasi, kami percaya bahawa perkhidmatan berkaitan kerjaya perlu disediakan sepanjang hayat, tanpa mengira jantina atau status ekonomi atau menghadiri sekolah atau universiti.</p>
<p>Lifelong Learning Pembelajaran Sepanjang Hayat</p>	<p>All learning opportunities undertaken throughout one's life for continuous improvement of one's personal, social and/or professional growth and development.</p> <p>Semua peluang pembelajaran yang dilakukan sepanjang hidup seseorang untuk peningkatan berterusan dalam pertumbuhan dan perkembangan peribadi, sosial dan/atau profesional seseorang.</p>
<p>Mentoring (Mentorship) Mentoring (Pementoran)</p>	<p>Mentoring is a professional relationship in which an experienced person (the <u>mentor</u>) assists another (the <u>mentee</u>) in developing specific skills and knowledge that will enhance the less-experienced person's professional and personal growth.</p> <p>Pementoran adalah suatu hubungan profesional di mana seseorang yang berpengalaman (<u>mentor</u>) membantu seorang lagi (<u>mentee</u>) dalam membangunkan kemahiran dan pengetahuan khusus yang akan meningkatkan pertumbuhan profesional dan peribadi seseorang yang kurang berpengalaman.</p> <p>Comment: Mentoring is a protected relationship in which learning and experimentation can occur, potential skills can be developed, and in which results can be measured in terms of competencies gained.</p> <p>Komen: Pementoran adalah suatu hubungan yang dilindungi di mana pembelajaran dan eksperimen boleh berlaku, kemahiran yang berpotensi dapat diperkembangkan, dan di mana hasil dapat diukur dari segi kompetensi yang diperoleh.</p>
<p>Outcome Hasil</p>	<p>An outcome is the end result of individuals' or groups' career planning process and actions towards a defined goal or objective.</p> <p>Hasil adalah keputusan terakhir dari proses perancangan kerjaya individu atau kelompok dan tindakan yang diambil ke arah matlamat dan objektif yang ditetapkan.</p>
<p>Output (Quality)</p>	<p>See Outcome</p>

Output (Kualiti)	Lihat Hasil
Performance Measures/Indicators Pengukuran/Petunjuk Pencapaian	<p>A list or description of objectives or desired outcomes which is used to judge the success of the services provided.</p> <p>Satu senarai atau deskripsi objektif atau hasil yang diinginkan yang digunakan untuk menilai kejayaan perkhidmatan yang disediakan.</p> <p>Comment: In career guidance, performance measures often relate to the number and outcome of interventions, client satisfaction level, and successful job placements achieved by the service provider.</p> <p>Komen: Dalam bimbingan kerjaya, pengukuran pencapaian sering dikaitkan dengan bilangan dan hasil intervensi, tahap kepuasan pelanggan, dan penempatan pekerjaan yang berjaya dicapai oleh pembekal perkhidmatan.</p>
Personal Action Planning Perancangan Tindakan Peribadi	<p>The process of setting goals and identifying steps one needs to take to achieve a desired outcome.</p> <p>Proses penetapan matlamat dan mengenal pasti langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencapai hasil yang diinginkan.</p>
Portfolio Portfolio	<p>A portfolio is a collection of materials showcasing the talents, strengths, competences (skills, knowledge and abilities) and experiences of an individual.</p> <p>Portfolio adalah koleksi bahan yang mempamerkan bakat, kekuatan, kecekapan (kemahiran, pengetahuan dan kebolehan) dan pengalaman seseorang.</p> <p>Comment: It may include formal qualifications attained, training courses attended, work experiences, and non-work/voluntary activities undertaken by the individual. Awards acknowledging successful work accomplishments and certificates of participation/appreciation may also be included.</p> <p>Komen: Ia mungkin termasuk kelayakan formal yang dicapai, kursus latihan yang dihadiri, pengalaman kerja, dan aktiviti bukan kerja/sukarela yang dilakukan oleh individu. Anugerah mengakui pencapaian kerja yang berjaya dan sijil penyertaan/penghargaan juga boleh dimasukkan.</p>
Profiling Pemprofilan	<p>The process of collecting information and analyzing the characteristics of a person. In the context of career development, it may include information about the person's work values, personality traits, career interests, and skills/competencies.</p> <p>Proses mengumpul maklumat dan menganalisis ciri-ciri seseorang. Dalam konteks perkembangan kerjaya, ia mungkin termasuk maklumat tentang nilai kerja seseorang, sifat personaliti, minat kerjaya, dan kemahiran/kompetensi.</p> <p>Jobs or occupations may also be profiled in a career information system to facilitate self- understanding and awareness of the world of work.</p> <p>Kerja atau pekerjaan juga boleh diprofilkan dalam sistem maklumat kerjaya untuk memudahkan pemahaman diri dan kesedaran tentang dunia kerja.</p>

<p>Qualitative Evidence Bukti Kualitatif</p>	<p>The subjective data that is obtained from interviews or focus group discussions is qualitative evidence. This type of evidence is based on the rich and in-depth analysis of the data.</p> <p>Data subjektif yang diperoleh daripada temu duga atau perbincangan kumpulan fokus adalah bukti kualitatif. Bukti jenis ini adalah berdasarkan analisis data yang kaya dan mendalam.</p>
<p>Quantitative Evidence Bukti Kuantitatif</p>	<p>The outcome of surveys, records, or research studies that can be expressed in terms of numerical digits is known as quantitative evidence. It provides an overall picture of the data and is easily comprehensible.</p> <p>Hasil kaji selidik, rekod, atau kajian penyelidikan yang boleh dinyatakan dalam bentuk digit berangka dikenal sebagai bukti kuantitatif. Ia memberikan gambaran keseluruhan data dan mudah difahami.</p>
<p>Recognition of Current Competency Pengiktirafan Kompetensi Semasa</p>	<p>The process in which the competency/ies possessed by an individual can be assessed against a relevant unit of competency and may be given recognition through the issuance of an appropriate certificate.</p> <p>Proses di mana kompetensi yang dimiliki seseorang boleh dinilai berdasarkan unit kompetensi yang relevan dan mungkin diberikan pengiktirafan melalui pengeluaran sijil yang bersesuaian.</p>
<p>Recognition of Prior Learning (RPL) Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu (RPL)</p>	<p>The process of assessing learning from prior experiences outside the formal educational system against the relevant unit of competency and may be given recognition through the issuance of an appropriate certificate.</p> <p>Proses menilai pembelajaran dari pengalaman terdahulu di luar sistem pendidikan formal terhadap unit kompetensi yang berkaitan dan mungkin diberikan pengiktirafan melalui pengeluaran sijil yang bersesuaian.</p>
<p>School-to-Work Transition Transisi Sekolah ke Tempat Kerja</p>	<p>School-to-work transition is the process of moving from education or training to employment, covering the period in which the change takes place.</p> <p>Transisi sekolah ke tempat kerja adalah proses pemindahan dari pendidikan atau latihan kebolehpasaran, yang meliputi tempoh di mana perubahan berlaku.</p> <p>Comment: It can refer to <u>on-the-job training</u>, <u>apprenticeships</u>, <u>cooperative education</u> and other modes of practical placement programs designed to prepare students to obtain and maintain employment.</p> <p>Komen: Ia boleh merujuk kepada <u>latihan semasa kerja</u>, <u>perantisan</u>, <u>pendidikan kooperatif</u> dan program penempatan praktikal yang mod lain yang direka untuk menyediakan pelajar untuk mendapatkan dan mengekalkan pekerjaan.</p>
<p>Self-Awareness/ Self-Knowledge Kesedaran Kendiri/ Pengetahuan Kendiri</p>	<p>Self-awareness is one's recognition and understanding of one's own personality including feelings, thoughts, and motivation.</p> <p>Kesedaran sendiri adalah pengiktirafan dan pemahaman seseorang tentang personality dirinya termasuk perasaan, pemikiran, dan motivasi.</p>

	<p>Comment: Reflection, introspection and personality assessments can aid one in self-awareness. Self-awareness includes interests, strengths, weaknesses, likes, dislikes, values and skills, and the ability to know oneself as an entity separate from the world at large.</p> <p>Komen: Refleksi, introspeksi dan penilaian personaliti boleh membantu seseorang dalam kesedaran sendiri. Kesedaran diri meliputi minat, kekuatan, kelemahan, kegemaran, ketidakegemaran, nilai dan kemahiran, dan keupayaan untuk mengetahui diri sebagai sebuah entiti yang terpisah dari dunia pada umumnya.</p>
<p>Self-Efficacy Efikasi Kendiri</p>	<p>An individual's perception about his/her ability to successfully perform tasks in specific situations.</p> <p>Persepsi seseorang individu tentang keupayaannya untuk berjaya melaksanakan tugas dalam situasi tertentu.</p>
<p>Self-Management of Career Competencies Pengurusan Kendiri dari Kompetensi Kerjaya</p>	<p>Taking personal responsibility for acquiring/developing/enhancing one's knowledge, skills and attitudes that enable one to successfully perform tasks in a career field.</p> <p>Mengambil tanggungjawab peribadi untuk memperoleh/mengembangkan/meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap seseorang yang membolehkan seseorang berjaya melaksanakan tugas dalam suatu bidang kerjaya.</p>
<p>Transferable Skills Kemahiran Boleh Pindah</p>	<p>Transferable skills are a broad set of knowledge and competencies acquired from a variety of life situations such as education, work, and civic engagement that can be used in other settings.</p> <p>Kemahiran boleh pindah adalah satu set pengetahuan dan kompetensi yang diperoleh daripada pelbagai situasi kehidupan seperti pendidikan, kerja, dan penglibatan sivik yang boleh digunakan dalam setting lain.</p> <p>Comment: In some countries the term transversal skill is used as an alternative term.</p> <p>Ulasan: Di sesetengah negara istilah kemahiran transversal digunakan sebagai istilah alternatif.</p>
<p>Transition Transisi</p>	<p>Transition is a period of time when a person is going through the process of changing their role or focus of their career.</p> <p>Transisi adalah satu tempoh masa apabila seseorang sedang melalui proses perubahan peranan atau fokus kerjaya mereka.</p> <p>Comment: This process could occur during times of education and training, work place promotion, job search, and retirement. The term transition suggests both a process of change and the period during which the change is taking place.</p> <p>Ulasan: Proses ini boleh berlaku semasa masa pendidikan dan latihan, kenaikan pangkat di tempat kerja, pencarian kerja, dan persaraan. Istilah transisi mencadangkan kedua-dua proses perubahan dan tempoh di mana perubahan berlaku.</p>
<p>Validation of Non-Formal and Informal Learning</p>	<p>See Recognition of Prior Learning</p> <p>Lihat Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu</p>

Pengesahan Pembelajaran Bukan Formal dan Tidak formal	
Vocational Guidance Bimbingan Vokasional	See Career Guidance Lihat Bimbingan Kerjaya
Work Experience Pengalaman Kerja	<p>Definition #1: Work experience is made up of knowledge, skills and competencies a person gains while working in various fields or occupations during their working life.</p> <p>Definisi #1: Pengalaman kerja terdiri daripada pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang diperolehi oleh seseorang semasa bekerja dalam pelbagai bidang atau pekerjaan semasa hayat kerja mereka.</p> <p>Definition #2: Work experience is a shorter-term work period intended for familiarization with work environments for educational and training purposes.</p> <p>Definisi #2: Pengalaman kerja adalah tempoh kerja jangka pendek yang bertujuan untuk membiasakan diri dengan persekitaran kerja bagi tujuan pendidikan dan latihan.</p> <p>Comment: The short-term experience can be paid or unpaid and often falls in the context of an internship. (See Internship)</p> <p>Komen: Pengalaman jangka pendek boleh dibayar atau tidak dibayar dan kerap berlaku dalam konteks internship. (Lihat Internship)</p>
Work-Based Learning Pembelajaran Berasaskan Kerja	<p>Work-based learning is directly applicable to an occupation and focuses on the application of theoretical knowledge and technical skills.</p> <p>Pembelajaran berasaskan kerja diterapkan secara langsung kepada sesuatu pekerjaan dan fokus kepada penggunaan pengetahuan bersifat teori dan kemahiran teknikal.</p> <p>Comment: It provides exposure to the challenges and real-life setting of a job to increase and develop employability. It can be in the form of an internship/externship, on-the-job-training or apprenticeship.</p> <p>Komen: Ia memberi pendedahan kepada cabaran dan persekitaran kerja sebenar sesuatu pekerjaan untuk meningkat dan mengembangkan kebolehpasaran. Ia boleh dalam bentuk internship/ eksternship, latihan semasa kerja atau perantisan.</p>